

Yaa Allah Yaa Syaafi

Jika hari ini ada di antara kami yang sedang sakit, mohon diangkat penyakitnya Ya Allah , Berikanlah kesembuhan untuknya, kerana sesungguhnya hanya Engkau Maha Penyembuh

Yaa Allah Yaa Razzaq

Jika hari ini ada di antara kami yang dalam kesulitan rezeki, Mohon mudahkanlah dan bukakanlah jalan rezekinya Ya Allah Kerana hanya Engkau Maha Pemberi Rezeki

Yaa Allah Yaa Qawwiyy

Jika hari ini ada di antara kami yang hatinya sedang susah dan bersedih, dalam menerima dan menghadapi ujian-Mu , Mohon Kuatkanlah kami untuk mampu bertahan dan bersabar.

Hiburkanlah kami dengan penuh kurnia-Mu ,Kerana janji-Mu yang tak pernah Kau Ingkari Setelah kesusahan pasti ada kesenangan dan kemudahan.

Yaa Allah Yaa Baasith

Jika diantara kami ada yang berhutang, selesaikanlah hutangnya, mudahkanlah urusannya, dan luaskanlah rezekinya.

Yaa Allah Yaa Qudduus

Jika hari ini ada di antara kami yang sedang wujud benih-benih cemburu dihatinya, rasa sombong menaklukinya, timbul iri dihatinya, muncul juga dengki dan dusta, Mohon bersihkan dan sucikanlah Yaa Allah.

Yaa Allah Yaa 'Afuuw

Mohon Ampunilah segala dosa dan khilaf kami,

Sekiranya tika saat ini, ada diantara kami yang merasa disakiti dan dizhalimi kerana kesalahan kami yang disengajakan atau pun tidak, Bukakanlah pintu hatinya, agar mampu memaafkan kami

Yaa Allah Yaa Ghaffaar

Ampunkanlah dosa kami dan pasangan kami,

dosa kedua Ibu bapa kami,

dosa kedua ibu bapa pasangan kami,

dosa semua anak2 kami dan pasangan masing2,

dosa ahli keluarga kami,

dosa guru-guru kami,

dosa sahabat2 kami,

dosa pelajar2 kami, staf2 kami dan dosa Seluruh kaum Muslimin dan muslimat yg hidup atau mati tanpa terkecuali.

Sesungguhnya Engkau lah Dzat yang Maha Pengampun dan Maha Mengasihani

Yaa Allah Yaa Mujiib

Ijabahkanlah Do'a-Do'a kami, Tiada daya & upaya kecuali dengan PertolonganMU ya ALLAH, Karena hanya kepada MU lah tempat kami Bergantung dan tempat Kami memohon Pertolongan